

# N.S.A.F ENTERPRISE

Tajuk :

*Pengeluaran Ubat Daripada  
Aloe Vera*

Nama - Nama Ahli Kongsi :

FAIRUS BT. FAKRI

NOOR AZLINA BT. MOHAMMAD

SURIANI BT. HJ. ABDUL GHANI

KU AZIZAH BT. KU TEH

DIPLOMA IN SCIENCE

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Surat Penyerahan	1-2
Surat Perjanjian Perkongsian	3-4
Pengenalan	5-6
Logo Syarikat	7-8
Tujuan Rancangan Perniagaan	-9
Latar Belakang Perniagaan	-10
Latar Belakang Pemilik	11-14
Rancangan Pentadbiran	15-26
Rancangan Pemasaran	27-42
Rancangan Operasi	43-50
Rancangan Kewangan	51-67
Lampiran	

## **PENGENALAN**

Projek keusahawanan yang sedang dalam perancangan kami ialah merupakan Projek Pengeluaran Ubat dari Aloe Vera dan dijalankan secara usahasama antara 4 rakan kongsi . Nama syarikat kami ialah N.S.A.F Enterprise yang merupakan syarikat perkongsian . Produk yang akan kami keluarkan adalah ubat - ubatan yang dicipta dengan menggunakan Aloe Vera yang dinamakan BOI - VERA .

Matlamat perniagaan kami adalah ingin menolong orang ramai yang mengalami masalah yang berkaitan dengan kesihatan . Sebagaimana yang kita ketahui, pelbagai penyakit telah timbul pada masa kini dan ini amatlah membimbangkan . Justeru itu kami telah merancang untuk mengeluarkan ubat - ubatan yang boleh mengubati penyakit - penyakit tersebut . Aloe Vera merupakan sejenis tumbuhan pelbagai kegunaan yang amat di kagumi sejak zaman berzaman . Ianya mengandungi seribu satu jenis khasiat untuk penjagaan diri sama ada bagi kegunaan dalaman mahupun luaran . Hari ini , melalui teknik dan langkah termoden telah dapat memastikan khasiat semulajadi Aloe Vera ini dikekalkan dalam bentuk perahan yang distabilkan .

Antara khasiat dan keajaiban yang terdapat pada Aloe Vera ialah : Ianya adalah pembersih semulajadi yang membersihkan darah dari segala jenis kekotoran yang tidak seharusnya berada di dalam tubuh badan kita , mampu memulihkan fungsi organ tubuh badan yang telah luntur dari masa ke semasa di mana sekaligus memulihkan banyak masalah yang berkaitan dengan kesihatan dan ia adalah pembasmi kuman , virus juga kulat apabila dibekalkan kepekatan yang tinggi terus kepada bahagian - bahagian yang digunakan .

Kami berharap produk yang bakal kami keluarkan nanti akan dapat membantu meringankan lagi beban yang dialami oleh - oleh pesakit - pesakit seperti darah tinggi,

jantung , kencing manis dan sebagainya . Menjadi harapan kami agar produk ini nanti mendapat perhatian daripada orang ramai yang sememangnya mengetahui tentang khasiat Aloe Vera dari turun temurun lagi .

Perniagaan kami akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan 8.00 malam hingga 12.00 tengah malam . Lokasi yang dipilih merupakan kawasan yang strategik baik dalam keadaan penerimaan bahan mentah maupun penghantaran barang ( kemudahan jalan raya yang disediakan ) .

Lokasi perniagaan kami ialah di:

Lot 64 Ground Floor and 1<sup>st</sup> Floor

Jalan permatang Gedong ,

Taman Sejati Indah ,

08000 Sungai Petani

Kedah .

## **LATAR BELAKANG SYARIKAT**

Nama Syarikat : N.S.A.F Enterprise

Alamat Syarikat : Lot 64 Ground Floor And First Floor  
Jalan Pematang Gedong,  
Taman Sejati Indah,  
08000 Sungai Petani,  
Kedah.

Alamat Surat Menyurat : Seperti di atas

No. Telefon : -

Bentuk Syarikat : Perkongsian

Kegiatan Utama : Mengeluarkan Ubat Dari Aloe Vera

Tarikh Mula Perniagaan : 1 Januari 1998

Tarikh Pendaftaran : 30 September 1997

No. Pendaftaran : -

Modal Permulaan : RM 187,865 Modal Dibenarkan  
RM 37865 Modal Ahli

Institusi Yang Memberi Pinjaman Kewangan : BPMB